

**PEMBENTANGAN LAPURAN TAHUNAN UNTUK
MAJLIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN BEKAS PELAJAR
MRSM MALAYSIA (ANSARA) CAWANGAN KOTA BHARU
AHAD, 24 MEI 2015**

LAPURAN TAHUNAN PERSATUAN BAGI SESI 2014/2015

Assalamualaykum warahmatullah wbkt.

Sukacitanya disini saya membentangkan laporan aktiviti-aktiviti ANSARA Kota Bharu sepanjang sesi yang lepas.

1. Kempen Derma Darah ANSARA (ABDC) di seluruh Negara

ANSARA Kota Bharu memulakan aktiviti untuk sesi 2014/2015 dengan Program ANSARA Blood Donation Campaign (ABDC) yang berlangsung selama 3 hari dari 21 hingga 23 Jun 2014. ANSARA KB terlibat dalam 4 kawasan :

- AEON Klang & Bukit Tinggi, Selangor
di kendalikan oleh Zahari Mohamed & isteri (Puan Shima)
- AEON Seri Manjong, Perak
di kendalikan oleh Dr Shahrul Khairudzi Abdul Rahim
- KPTM Kota Bharu, Kelantan
di kendalikan oleh Team AnsaraKBdKB (Nik Jailani Fathi, Hidayati alAsri, Nik Azmil Hisham, Raja Izuddin dan rakan-rakan)

Program ABDC ini merupakan program tahunan Anjuran ANSARA Pusat dengan kerjasama Sathya Sai Baba dan telah dirasmikan oleh Penaung ANSARA, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Tahun 2014 merupakan Edisi yang ke 8 dan ia telah berjaya mengumpul **7,062 pint** darah dari 48 kawasan yang terlibat.

2. Program Career Talk (Hari Kerjaya) di MRSM P. Chepa

Program Sireh Pulang ke Gagang ini mendapat sambutan yang amat baik dari kalangan ahli-ahli ANSARA Kota Bharu. Seramai **42** bekas pelajar dari pelbagai profesyen (kedoktoran, kejuruteraan, senibina, kewangan, undang-undang, IT dsb) hadir untuk berkongsi pengalaman dan memberi sedikit tunjuk ajar kepada kesemua 375 pelajar-pelajar tingkatan 5 bagi membantu mereka dalam memilih kerjaya yang berpatutan nanti.

Program ini berlangsung pada 17 Ogos 2014, dan diserikan dengan Jamuan Makan Tengahari bersama-sama bekas Cikgu-cikgu, bersekali dengan Sambutan Hari Raya Aidil Fitri.

3. Motivational Talk oleh Dato' Kamarul Redzuan bin Muhamed, CEO & Pengarah Urusan UZMA Berhad (dan juga Ketua Cawangan ANSARA Kota Bharu)

Sesi selama **3 jam** ini berlangsung pada 16 Ogos 2014, sehari sebelum Program Hari Kerjaya. Kesemua pelajar-pelajar Tingkatan 4 & 5 MRSM PC hadir di Dewan Bitara mendengar taklimat dari Dato' Kamarul yang cukup menarik dan penuh inspirasi itu.

4. ANSARAKB Invitational Charity Golf (AICG) di NSGCC

Suatu Jawatankuasa Khas yang di ketuai oleh Naib Ketua Cawangan Dato' Khusairi Wahijan dengan kerjasama Kamarudin Khalid, Olex Nazari serta rakan-rakan telah berjaya merealisasikan acara Pertandingan Golf (Friendly Match) di Nilai Springs Golf & Country Club pada 11 November 2014.

Sebanyak 108 peserta menyertai Program ini, termasuk 12 orang pemain luar dan seorang bekas Cikgu MRSMB KB.

5. Program Bantuan Banjir di Kelantan (UAFRP)

ANSARA Kota Bharu dengan usahasama UZMA BERHAD (selaku Penaja Utama) telah melancarkan Uzma-AnsaraKB Flood Relief Program (UAFRP) bermula pada 30/1/2015 sehingga 2/2/2015. Program amal ini dilancarkan ekoran banjir besar yang telah melanda kawasan Pantai Timur terutamanya di negeri Kelantan pada penghujung Disember 2014. Seramai **63 ahli dari Kuala Lumpur, 2 dari Terengganu dan 38 dari Kelantan** turun padang untuk menjayakan Program besar-besaran ini. Kawasan yang dipilih untuk kerja-kerja mencuci dan membaikpulih adalah **Guchil dan Kampung Laut**. Kami mendapat maklumbalas dan sambutan yang cukup baik dari penduduk-penduduk di kedua-dua kawasan ini sepanjang sukarelawan-sukarelawan ANSARA dan UZMA berada di sana.

Program ini telah berjaya mengumpulkan sumbangan dari Syarikat-syarikat dan individu dermawan sebanyak lebih **RM125,000.00**. Kesemua jumlah tersebut telah digunakan dengan sebaiknya untuk kelicinan perjalanan program ini.

ANSARA Kota Bharu juga turut melancarkan **Tabung Banjir** bagi tujuan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir khas dari golongan kakitangan dan pelajar MRSMB Pengkalan Chepa serta bekas-bekas pelajar MRSMB KB/PC. Sebanyak **RM27,155.00** berjaya dikumpulkan untuk Tabung ini. Sebanyak **RM13,000.00** telah di sampaikan kepada MRSMB PChepa untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa dari golongan kakitangan dan pelajar-pelajar. Baki yang selebihnya akan diagihkan kepada mangsa-mangsa dari golongan alumni.

6. TAKWA (Tabung Kebajikan Warga ANSARAKB)

Sejak Tabung ini dilancarkan pada Jun 2013 sehingga ke tarikh Laporan ini ditulis, seramai **9 orang** bekas pelajar telah menerima sumbangan wang dari Tabung TAKWA. Kesemuanya telah memenuhi kriteria sepertimana tertakluk dalam SoP untuk Tabung TAKWA.

Wakil-wakil dari setiap Batch memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat kepada pihak Exco bilamasa ada ahli-ahli dari batch mereka dirasakan perlu untuk mendapatkan bantuan dari Tabung TAKWA.

7. Aktiviti Sukan anjuran JASA SUKAN ANSARA

Antara acara-acara yang mendapat penyertaan dari ANSARA KB adalah

- 1 Mac 2015 - Sepaktakraw, Bolasepak 9 Sebelah, Bola Jaring (Wanita), Bola Tampar (Wanita) dan Ping Pong Beregu (Lelaki)
- 11 Apr 2015 - Badminton Lelaki Senior
- 28 Mac 2015 - Futsal (Naib Johan & Tempat ke 3)
- 26 Apr 2015 - Bolasepak Liga Alumni
- 17 Mei 2015 - Bolasepak Liga Alumni

Ribuan terima kasih kepada semua pemain-pemain yang telah turun ke padang mewakili ANSARA Kota Bharu, terutamanya dari Angsa91 (batch 15).

8. ANSARA Unplugged 2015 bersama MM dan AWO

Pada 9 Mei 2015, ANSARA Pusat telah berjaya menggabungkan 2 individu yang cukup berwibawa yang juga merupakan bekas pelajar / produk MRSM untuk tampil berbual mesra dengan ahli-ahli ANSARA dalam program Unplugged Siri 2015. Mereka adalah YBhg Dato' Seri **Mukhriz Mahathir** Menteri Besar Kedah (ANSARA Kota Bharu) dan YBhg Dato' Seri **Abdul Wahid Omar**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ANSARA Seremban). Program yang telah berlangsung selama 4 jam di Dewan MATRADE Level 3 ini telah dihadiri oleh 920 ahli-ahli ANSARA.

Seramai 43 orang dari ANSARA Kota Bharu hadir, beserta 4 orang bekas Cikgu MRSM KB (Cikgu Fatanah, Cikgu Kamariah, Cikgu Mahmood dan Cikgu Zul).

Terima kasih kepada Sdra Shahrein Mohd Affandi yang menjadi wakil ANSARA Kota Bharu dalam Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk menjayakan Program ini.

9. Mesyuarat Agong Tahunan ANSARA 2014

Sebagai salah satu Cawangan ANSARA yang sentiasa prihatin dalam membantu menjayakan semua aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh ANSARA Pusat, ANSARA Kota Bharu telah menghantar **12 delegasi** ke Mesyuarat Agong Tahunan (MAT) ANSARA pada 28 September 2014 yang telah berlangsung di bangunan MATRADE Kuala Lumpur.

10. Lain-lain

Setakat ini kita telah berjaya mengenalpasti **31 orang Wakil Batch (BatchReps)** bagi mewakili batch masing-masing (**lepasan SPM1973 - SPM2011**). Usaha akan diteruskan untuk mendapatkan seberapa banyak ahli-ahli untuk turut serta dalam semua aktiviti yang dirancang, demi mengeratkan silaturrahim serta mendapatkan *networking* yang lebih luas.

ANSARA Kota Bharu disini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua Ahli Jawatankuasa Kecil di Kota Bharu (ANSARAKBdKB) atas sokongan padu yang diberikan selama ini.

Kami mengalu-alukan kerjasama, respon dan “feedback” yang konstruktif dari semua ahli-ahli. Kami amat berbesar hati dengan kehadiran ahli-ahli di semua program dan aktiviti yang dianjurkan, samada oleh ANSARA Pusat atau ANSARA Kota Bharu.

Ahli-ahli digalakkan untuk melayari dan memberi sumbangan idea dan informasi di laman web kami di www.ansarakb.org (PARAGON) yang baru sahaja dikemaskinikan. Kami mengalu-alukan sukarelawan yang sudi tampil membantu mengaktifkan lagi website kami dan juga dalam mempromosikan semua program-program yang kami jalankan.

Bilangan **Ahli-ahli Berdaftar Seumur Hidup** setakat hari ini adalah **282 orang**. Pada yang belum mendaftar bolehlah berbuat demikian secara online di laman web ANSARAKB (seperti diatas) atau web ANSARA (www.ansara.gov.my) atau terus ke Sekretariat ANSARA di Bangunan MARA Kuala Lumpur (Tel +603 2713 9348).

Sekian laporan saya buat kali ini dan saya sudah dengan ucapan berbanyak Terimakasih kepada ahli-ahli (amnya) serta Jawatankuasa ANSARA KB (khususnya) kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk berkhidmat dan menyumbang sedikit sebanyak kepada Persatuan sepanjang sesi ini. Sekiranya ada silap dan salah sepanjang perkhidmatan saya selama dua tahun ini, saya mohon kemaafan.

Wassalam.

Yang menurut perintah,

Nuraiza Zaharin (No Maktab 96/81)
Setiausaha ANSARA KOTA BHARU

21 Mei 2015